

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 09 JUN 2022

KERATAN AKHBAR

Pencemaran bau seakan diesel dikesan, tiga LRA berisiko henti tugas



Satu insiden pencemaran bau seakan diesel dikesan RMS Seksyen 3 Bangi, pagi tadi. - Foto NSTP/Ihsan LUAS

SHAH ALAM: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memaklumkan terdapat insiden pencemaran bau seakan diesel sehingga tiga ton dikesan River Monitoring Station (RMS) Seksyen 3, Bangi, pada jam 11.15 pagi ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli, Hee Loy Sian, berkata insiden dilaporkan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Katanya, susulan itu pemantauan Ops Sumber Air Negeri Selangor yang dikendalikan oleh LUAS bersama agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Air Negara (SPAN) dan Air Selangor telah mengaktifkan siasatan ke beberapa lokasi bagi mengenal pasti punca pencemaran.

"LUAS sudah mengaktifkan Kod Kuning berdasarkan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air bagi siasatan secara menyeluruh ke kawasan terbabit di hulu muka sauk yang berisiko menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2, LRA Bukit Tampoi dan LRA Labohan Dagang.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

"Anggaran jarak lokasi pencemaran ke tiga muka sauk LRA Semenyih 2 adalah 6.63 kilometer (km); LRA Bukit Tampoi (18 km) dan LRA Labohan Dagang (31.9 km)," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, beberapa lokasi yang berpotensi menjadi punca pencemaran sudah disiasat oleh LUAS di Sungai Balak dan pensampelan ujian bau dijalankan mencatatkan bau sehingga dua ton manakala di Sungai Sekamat dan di kawasan hulu Sungai Langat, tiada sebarang penemuan berkaitan pencemaran dikesan dengan semakan bau kosong ton.

Katanya, sehingga jam 5 petang tadi, tiada lagi kesan bau seakan minyak di sekitar Sungai Balak.

"Dalam pada itu, LUAS juga menjalankan pemantauan statik dan pensampelan di sekitar Jambatan Kampung Teras Jernang dan pensampelan ujian bau dijalankan setiap 30 minit dan bacaan yang diperolehi sekitar dua ton.

"Sehingga jam 9 malam tadi, tiada sebarang pencemaran di kesan di kawasan muka sauk LRA," katanya.

Loy Sian berkata, LUAS dan Air Selangor masih lagi menjalankan siasatan terhadap punca pencemaran bau itu dan kekerapan pensampelan bau LUAS di Sungai Langat juga dipertingkatkan daripada satu jam kepada 30 minit bagi memantau rapi status semasa air sungai.

Jelasnya, pemantauan statik dan rondaan LUAS di kawasan Sungai Langat dilaksanakan 24 jam untuk memastikan insiden seperti ini tidak berulang dan sebarang pencemaran dapat dicegah sebaiknya sebelum ianya memasuki sistem LRA.